

Headline	Usah aib jenazah HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	25	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	488 cm ²
Journalist	Noriah Idris	AdValue	RM 17,954
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,862



Usah aib jenazah HIV

Keluarga sepatutnya lapor kematian supaya si mati diurus mengikut kaedah tertentu

>>Oleh Noriah Idris

nori@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Mengurus jenazah penghidap Aids yang disisih keluarga dengan menyerahkan urusan kematian kepada masjid tanpa peduli antara pengalaman menyediakan seorang pengendali jenazah.

Ketua Pengarah Eksekutif Darul Jenazah, Mohd Yusni Ismail berkata, kebanyakan keluarga penghidap Aids atau penghidap penyakit berjangkit lain berasa malu dan terhina jika anak atau ahli keluarga menghidap sakit kronik itu meninggal dunia.

Menurutnya, ada kalangan ibu bapa yang enggan melaporkan kepada klinik atau jabatan kesihatan apabila anak atau ahli keluarga meninggal dunia kerana serangan penyakit itu semata-mata disebabkan rasa aib.

Katanya, kematian penghidap penyakit itu harus dilaporkan kepada pegawai kesihatan daerah mengikut Seksyen 10(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Sebagai pengendali syarikat pengurusan jenazah bertauhiah dan berlandaskan prinsip syariah yang ditubuhkan sejak empat tahun lalu, masyarakat harus diberi peringatan sejelas mungkin mengenai penyakit berkaitan demi mengelak kekeliruan.

"Sehingga kini, lebih 500 jenazah diuruskan dan daripada jumlah itu, lebih 100 kematian membabitkan pesakit Aids. Syarikat kami yang beroperasi di Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor itu mempunyai rang-



SEMALAM Wajah Kehidupan menyikap pandangan pakar dan teknik rawatan untuk membantu pesakit Aids menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih bermakna.

Hari ini, laporan terakhir mengenai Aids pula memaparkan cabaran dialami pengendali jenazah untuk menyempurnakan jenazah pesakit Aids selain pandangan pengasas Darul Ukhwah Yayasan al-Ijabah dan Pusat Darah Negara.

kian seluruh negara dengan mempertaruhkan lebih 300 pengendali jenazah terlatih serta mendapat pengiktiran hospital sebagai panel terunggul mengendalikan urusan kematian pesakit kronik itu dari A sampai Z," katanya.

Ditanya mengenai cara memandikan jenazah penghidap HIV/Aids, beliau berbantahan, sama ada berpunca daripada penagihan najis dadah, sumbang mahram atau hubungan seksual, semuanya harus diurus mengikut garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan.

"Tanggapan kuman HIV boleh berjangkit adalah silap. Ini kerana kuman penyakit itu akan mati apabila penghidapnya meninggal dunia.

Cara memandikan jenazah pula, kita harus menggunakan peluntur dan peralatan khusus sebagai langkah pencegahan agar kuman penyakit tidak merebak kepada pe-



FOTO | Aziah Azmee

KAEDAH...
Mohd Yusni memegang bahan peluntur untuk cegah jangkitan kuman.

CARA...
pemakaian yang betul pengurusan jenazah.

ngendali jenazah atau ahli keluarga.

"Kebanyakan penghidap Aids, mempunyai ketahanan badan yang rendah dari segi melawan penyakit dan dibimbangi kuman yang terdapat pada badan mangsa boleh merebak kepada pengendali jenazah atau yang lain sekiranya tiada langkah keselamatan dilakukan," katanya.

Beliau turut menyenaraikan pelbagai peluntur seperti Clorox Bleach, Kiraw, Bleach, Cocorex atau yang mengandungi Sodium Hypochloride (NaHC13) digunakan dalam mandian jenazah kerana asid itu mampu memusnahkan kuman penyakit daripada merebak.

"Cara penggunaannya adalah 1 nisbah 10 iaitu jika menggunakan sebotol peluntur bersamaan 10 botol air mandian bagi mengimbanginya. Jirusan pertama larutan bertujuan membunuh ku-

man yang ada pada badan si mati. Cara itu dipercayai dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada pengendali jenazah berkenaan.

"Begitu juga sarung tangan mestilah dipakai untuk mengelakkan kulit tangan bersentuhan secara langsung dengan jenazah sebagai langkah pencegahan. Manakala lapisan plastik digunakan bagi menghalang penyerapan cecair daripada badan si mati ke kain kafan yang boleh menyebabkan jangkitan."

"Selain itu, pemakaian apron, pelindung mata, hidung dan mulut serta but (kasut getah ke paras lutut) bertujuan melindungi kekotoran dan kuman atau cecair badan si mati mengenai anggota atau rongga si pengendali jenazah," katanya.